

ABSTRAK

Penyelidikan ini adalah suatu kajian yang meninjau bentuk-bentuk dan strategi-strategi perbualan yang digunakan oleh pekerja-pekerja di tapak pembinaan. Kajian ini meninjau keperluan penggunaan Bahasa Inggeris perbualan dalam interaksi harian untuk menyelenggarakan tugas-tugas harian. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengukur sejauh mana kepentingan bentuk-bentuk perbualan dan kemahiran strategi-strategi perbualan yang digunakan oleh kaum pekerja tapak pembinaan membantu penyelenggaraan tugas-tugas di tempat kerja. Penyelidik telah menggunakan pendekatan kualitatif untuk menganalisa data yang dikumpul. Data untuk kajian ini telah diperolehi dengan menggunakan temu bual, rakaman audio, dan pemantauan. Hasil kajian menunjukkan bahawa walaupun strategi-strategi perbualan membantu interaksi penyelenggaraan kerja-kerja, pekerja-pekerja pengurusan atasan terutamanya golongan jurutera dan pengurusan pertengahan iaitu pegawai-pegawai keselamatan dan penyelia-penyelia keselamatan dalam organisasi ini tidak sepenuhnya menguasai perbualan Bahasa Inggeris. Sehubungan dengan ini, beberapa cadangan untuk mempertingkatkan pengajaran dan pembelajaran perbualan Bahasa Inggeris telah diutarakan. Signifikansi kajian ini juga berpotensi memberi ruang untuk merapatkan jurang di antara alam pekerjaan dan alam akademik.

ABSTRACT

This research is a study of the communication patterns and strategies of a discourse community, namely the Safety Management Team (SMT) on a construction site. The main objective of this study is to determine how its communication patterns and strategies facilitate the interaction among the workforce to achieve its shared common goals. A qualitative approach was employed to access and analyse the data. The instruments used in this research are observations, audio recording and interviews. Findings show that communicative strategies employed by the Safety Management Team are effective to achieve its common goals in accordance with the safety code at the construction site. However, the English language proficiency among the workforce, especially the engineers from the top management level and the safety officers and supervisory staff from the medium level of the organization needs to be upgraded, especially with regard to their verbal communication. Recommendations and some possible improvements to the teaching and learning of oral communication have been suggested based on the findings obtained. The study is significant in the sense of providing an opportunity to bridge the gap between the working world and the world of academia.